

Perolehan agresif

Petrowangsa yakin raih potensi perniagaan baru menerusi lesen pemasaran digital diperoleh daripada PETRONAS

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediapri-
ma.com.my
Kuala Lumpur

Petrowangsa Sdn Bhd (Petrowangsa) optimis kerjasama strategik yang dilaksanakan bersama MNC Wireless Bhd (MNC Wireless) mampu mencatatkan perolehan agresif dalam tiga tahun akan datang memandangkan perniagaan dalam segmen pembangunan digital dijangka memberi pulangan besar kepada kedua-dua entiti.

Petrowangsa adalah antara syarikat yang menerima 49 lesen dari Petrolim Nasional Bhd (PETRONAS) dalam pelbagai segmen perniagaan seperti membekalkan peralatan keselamatan, perlindungan, cat, bekalan dan penghantaran kren gantri serta pemasaran digital.

Pengarahnya, Datuk Azrulnizam Abdul Aziz berkata, menerusi lesen yang mendapat kelulusan dari PETRONAS iaitu pemasaran digital, ia membolehkan syarikatnya membida tender berkaitan perniagaan berkenaan.

FAKTA
Petrowangsa adalah antara syarikat yang menerima 49 lesen daripada PETRONAS dalam pelbagai segmen perniagaan



TAN (kiri) bertukar dokumen Pengarah Petrowangsa, Datuk Azizul Kama Abdul Aziz (dua dari kanan) disaksikan Azrulnizam (kanan) dan Mohd Johari (tiga dari kanan).

Beliau berkata, ketika ini, antara 60 hingga 70 peratus perolehan Petrowangsa disumbangkan daripada lesen peralatan keselamatan dan perlindungan.

“Dengan pembabitan perniagaan baru, ia dijangka mengambil alih peratusan sumbangan perniagaan utama itu pada masa depan memandangkan pemasaran digital mempunyai potensi perniagaan besar termasuk pengiklanan digital, aplikasi dan rumusan.

“Buat masa ini, kami tidak

menjangka sebarang angka perolehan yang mampu dicatatkan hasil kerjasama dengan MNC Wireless memandangkan ia bergantung kepada nilai kontrak yang ditawarkan PETRONAS,” katanya selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Petrowangsa dan MNC Wireless, di sini, semalam.

Pada majlis itu, MNC Wireless diwakili Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutifnya, Christopher Tan Chor How dan disak-

sikan Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd Johari Baharum.

Menerusi kerjasama itu, Petrowangsa bekerjasama daripada segi kepakaran perniagaan MNC Wireless untuk melaksanakan projek berkaitan digital yang ditawarkan PETRONAS.

Petrowangsa yang mula beroperasi pada 2012 mencatatkan pertumbuhan perolehan sekitar 25 peratus dari tahun ke tahun dan setakat 2014, syarikat itu merekodkan RM1.6 juta perolehan.